

## Perlaksanaan dan Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) dalam kalangan Guru Sekolah Rendah Semasa Pandemik Covid-19

### *(Implementation and Challenge in Home-Based Learning Among Primary School Teacher During the Covid-19 Pandemic)*

Chai Mui Ai<sup>1\*</sup>, Aidah Abdul Karim<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: [maeichai84@gmail.com](mailto:maeichai84@gmail.com)

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: [eda@ukm.edu.my](mailto:eda@ukm.edu.my)

#### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Chai Mui Ai  
([maeichai84@gmail.com](mailto:maeichai84@gmail.com))

#### KATA KUNCI:

Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)  
Perspektif guru  
Pandemik COVID-19  
Kesediaan pembelajaran dalam talian  
Cabaran pelaksanaan

#### KEYWORDS:

Home-Based Learning (HBL)  
Teachers' perspective,  
The COVID-19 pandemic,  
Online learning readiness  
Challenges in implementation

#### CITATION:

Chai, M. A. & Aidah Abdul Karim. (2022). Perlaksanaan dan Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) dalam kalangan Guru Sekolah Rendah Semasa Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(12), e001978.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.1978>

#### ABSTRAK

Walaupun Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) telah menjadi satu trend pembelajaran semasa pandemik COVID-19, namun pelbagai cabaran telah dihadapi oleh guru sekolah rendah bagi menjayakan PdPR. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan dan cabaran PdPR semasa pandemik COVID-19 daripada perspektif guru sekolah rendah. Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan telah melibatkan seramai 113 orang guru sekolah rendah sebagai peserta kajian. Data telah dikumpul menggunakan borang soal selidik dalam bentuk Google Form. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru untuk melaksanakan PdPR adalah tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan guru menghadapi kekangan dalam menjayakan PdPR. Kekangan ini berpunca daripada guru dan murid daripada pelbagai aspek. Hasil kajian ini secara tidak langsung menunjukkan kesediaan ibu bapa merupakan satu daripada faktor utama dalam menentukan kejayaan PdPR. Oleh itu, interaksi dan usaha kolaboratif antara guru, ibu bapa dan pentadbir sekolah perlu ditingkatkan bagi membantu kejayaan PdPR.

#### ABSTRACT

Although home-based learning had become a new study trend amidst the COVID-19 pandemic, primary school teacher still facing few challenges to make it a success. Thus, this study is playing a role to make sure the level of implementation and challenge in home-based learning during the COVID-19 pandemic, focusing the view from primary school teacher. This quantitative study uses the survey method involving 113 primary school teachers as the study participants. Data had been collected using the Google Form. The result of the survey form showed that primary school teachers have high readiness in the

implementation of home-based learning, at the same time, it showed that teachers are facing obstacles to make up a good way in home-based learning. These obstacles happened to be appeared among the teachers and students from various aspects. The result of this study also indirectly showed that parents' readiness is one of the main factor in making home-based learning a success. Therefore, interaction and collaboration efforts within the educators, parents and school administrators needed to be enhanced for home-based learning in order to succeed.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada literatur tentang tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan PdPR dan cabaran yang telah dihadapi dalam pelaksanaan PdPR sepanjang pandemik COVID-19.

## 1. Pengenalan

Wabak COVID-19 yang menjangkiti saluran pernafasan manusia ini telah memberikan kesan yang tidak dijangkakan kepada satu dunia, di mana virus ini telah tersebar dengan kadar yang cepat dan meluas serta tidak boleh dikawal, malahan juga meragut nyawa ramai orang dalam masa yang singkat. Justeru, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah secara rasminya mengisytiharkan situasi ini sebagai pandemik ([Jafri Malin et al., 2020](#)). Mulai dari 18 Mac 2020, dasar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan atas sebab penularan wabak penyakit COVID-19. Sampai hari ini, negara kita masih berusaha untuk melawan dengan wabak COVID-19, namun bilangan kes harian masih menunjukkan peningkatan yang menyebabkan kebimbangan dalam masyarakat. Dengan itu, untuk mencegah penularan ini terus berlaku dalam pelbagai sektor, terutamanya sektor sosial, masyarakat telah mengekalkan amalan sosial penjarakan jauh.

Pada masa yang sama, pihak kerajaan juga melaksanakan dasar PKP 2.0 dalam bentuk fasa pertama, dengan harapan dapat mengurangkan kadar penyebaran secara perlaksanaan dasar dan SOP yang diperketat. Tindakan ini juga disokong dengan pendapat [Preiser et al. \(2020\)](#) yang menyatakan dasar-dasar yang dilaksanakan bukan sahaja dapat mengurangkan kadar penyebaran dalam kalangan masyarakat, tetapi juga mengekalkan kadar jangkitan COVID-19 berada pada tahap yang dapat diuruskan dengan infrastruktur kesihatan sedia ada yang kurang mencukupi serta meningkatkan kemungkinan kajian berkaitan dengan kaedah rawatan terus maju sehingga rawatan berdasarkan simptom dapat diterapkan pada individu yang menjangkiti wabak tersebut. Bertepatan dengan hujah [Bai et al. \(2020\)](#), iaitu ancaman wabak ini hanya akan meningkat dengan potensi penularan secara asimptomatik, maka kerajaan sekali lagi mengambil tindakan membuat penutupan sekolah bagi menyekat penyebaran yang mungkin berlaku dalam pelbagai bentuk sekiranya pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka masih dijalankan seperti biasa. Namun di sebaliknya, pihak kerajaan masih berusaha untuk menjamin pembelajaran anak-anak murid terus berlaku dan tidak terbantut, maka PdPR secara dalam talian menjadi satu amalan PdP dalam trend baharu.

Pembelajaran dalam talian yang bersifat fleksibel bertujuan untuk menjamin murid tidak ketinggalan dalam pembelajaran serta ilmu boleh disampaikan kepada semua orang tanpa mengira masa atau tempat, namun pelaksanaan pembelajaran dalam talian

kini sering dipertikaikan dari aspek capaian internet, kemahiran teknologi, kaedah atau pendekatan pembelajaran dalam talian yang digunakan dan sebagainya. Walaupun PdPR memerlukan kesediaan guru, di mana guru memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan PdP yang berkesan (Tan & Suziyani, 2022), namun masih kurang kajian yang melihat perspektif guru terhadap pelaksanaan dan cabaran dalam menjayakan PdPR. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengkaji pelaksanaan dan cabaran PdPR di kalangan guru sekolah rendah dalam konteks era pandemik COVID-19.

## 2. Sorotan Literatur

### 2.1. Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam Era Pandemik COVID-19

Demi memastikan pembelajaran murid masih berlaku secara berterusan dalam era pandemik COVID-19, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyarankan pendidik dan murid-murid untuk terus berkomunikasi melalui platform atas talian yang berbagai-bagai jenis sebagai jalan alternatif pengajaran dan pembelajaran untuk terus membimbing murid dalam pembelajaran (Rafiee et al., 2020).

Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) merupakan mod pembelajaran yang diwujudkan dalam norma baharu ini untuk memastikan murid dapat terus belajar walaupun bukan secara bersemuka. Hal ini penting agar dapat memastikan kelangsungan pembelajaran sepanjang masa dan dapat mengelakkan murid daripada ketinggalan dalam ilmu pengetahuan dari semasa ke semasa. Namun di sebaliknya, pelaksanaan PdPR yang diadakan dalam bentuk secara dalam talian telah memberikan impak kepada semua pihak, termasuklah barisan pentadbir, tenaga pengajar, pelajar-pelajar dan ibu bapa mahupun dari aspek sumber rangkaian internet ataupun keadaan sosioekonomi sesebuah keluarga.

Tidak dapat dinafikan bahawa teknologi pendidikan telah digunakan secara meluas pada pandemik COVID-19, maka inovasi pendidikan yang melibatkan pengintegrasian teknologi telah dilaksanakan dalam kurikulum pendidikan Malaysia. Seperti yang dikemukakan oleh Maman et al. (2020), aspek penting yang memerlukan inovasi dalam pandemik ini ialah kurikulum. Hal ini disebabkan oleh tanggapan bahawa kurikulum merupakan satu daripada komponen utama dalam sistem pendidikan. Tanggapan ini juga memberikan gambaran bahawa kurikulum bukan sahaja mengandungi objektif pembelajaran yang ingin dicapai, malahan juga memberikan kefahaman tentang pengalaman belajar kepada murid-murid. Justeru, aplikasi inovasi dalam pendidikan penting untuk mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang bermakna dan berkesan.

### 2.2. Amalan Guru dalam Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) di dalam Malaysia dan di Luar Negara

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) sudah bukan apa-apa trend yang baharu sama ada di negara yang maju mahupun di negara yang miskin (Appiah-Otoo & Song, 2021). Secara umumnya, masyarakat kini telah biasa mengakses maklumat di hujung jari. Mereka sering menggunakan pelbagai peranti untuk mencari info terkini serta membuat urusan secara rasmi ataupun tidak rasmi. Dengan itu, kebanyakan individu dalam masyarakat mesti memiliki gajet peribadi untuk kemudahan teknologi pada era moden ini.

Menurut [Murphy \(2020\)](#), penggunaan teknologi yang berkembang pesat telah memainkan peranan yang dominan dalam mewujudkan pendidikan jarak jauh secara jayanya untuk guru dan murid. Sebagaimana yang kita mengetahui, pendidikan jarak jauh atau pembelajaran dalam talian memerlukan kita memanfaatkan sumber rangkaian internet dan kemudahan ICT yang sedia ada. Namun demikian, bukan semua golongan yang berkemampuan dalam menyediakan segala kemudahan ini secara menyeluruh untuk kemudahan pembelajaran dalam talian, maka pelaksanaan PdPR ada kala tidak dapat menunjukkan keberkesannya.

Berdasarkan [Krishnan dan Daud \(2020\)](#), transformasi dalam sistem pendidikan, iaitu pengintegrasian TMK dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) telah dijalankan. Transformasi ini memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan minat murid untuk terus belajar dan memastikan murid-murid dapat melibatkan secara aktif dalam pembelajaran, maka jelaslah membuktikan bahawa integrasi teknologi dalam proses PdPc akan memberikan impak yang positif dalam pembelajaran berkesan. Nantijahnya, penularan wabak COVID-19 telah mewajibkan semua negara untuk melengkapkan guru-guru sekolah dengan kemahiran menggunakan teknologi terkini. Merujuk pada [Kim \(2020\)](#), tindakan ini perlu dilaksanakan dengan kadar yang segera untuk mencapai tujuan meneruskan latihan mengajar kelas dalam bentuk dalam talian. Melihat pada perspektif yang lain, pelaksanaan PdPR kini memainkan peranan yang utama sebagai pembelajaran norma baharu untuk terus melahirkan modal insan yang berkualiti dan berdaya saing, maka kemahiran guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah sering dikaji untuk memastikan guru telah bersedia untuk menjalankan kewajipan PdPR. Menurut [Siti Balqis dan Muniroh \(2020\)](#), kajian mereka telah meneroka tentang kaedah pengajaran guru berdasarkan kesediaan pelajar untuk menerima pembelajaran dalam talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Selain itu, dalam kajian [Siti Nurbaizura dan Nurfaradilla \(2020\)](#), guru-guru telah bersedia untuk melaksanakan pembelajaran dalam talian dengan pengajaran berasaskan modul bercetak dan bahan pembelajaran yang sedia ada di internet meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran. Malahan pula, menurut [Fadzliyah et al. \(2020\)](#), kebanyakan guru novis pada hari ini telah melengkapi diri dengan kemahiran mengadaptasi kaedah pengajaran selaras kecanggihan peralatan teknologi masa kini.

Namun di sebaliknya, kajian [Zakaria et al. \(2021\)](#) telah menyatakan pensyarah masih memerlukan masa yang lama untuk membiasakan diri dengan penggunaan Google Classroom. Kajian ini juga mengemukakan hujahan bahawa pensyarah tidak bersedia untuk menggunakan Google Classroom serta ilmu dan kemahiran untuk menggunakan Google Classroom masih tidak mencukupi bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Justeru, kebanyakan kajian tersebut telah menunjukkan bahawa guru mempunyai kemahiran untuk melaksanakan PdPR walaupun kemungkinan besar ilmu dan kemahiran mereka tidak mencukupi untuk membendung sesi PdPR semasa pandemik COVID-19.

### **2.3. Cabaran Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam Konteks Pandemik COVID-19**

Berdasarkan hasil analisis sorotan literatur, terdapat banyak kajian yang dilakukan untuk meninjau berkaitan dengan cabaran dalam pelaksanaan PdPR semasa pandemik COVID-19. Memang tidak dapat dinafikan, hal ini disokong dengan kajian [Jabbarova \(2020\)](#) yang menyatakan guru haruslah berhadapan dengan pelbagai cabaran dan sukar dalam melaksanakan peranan mereka dengan kecekapan mengikuti amalan dan aktiviti

pengajaran yang sangat ketat mengikut SOP pada masa ini, termasuk strategi merancang dan menulis kandungan pengajaran, kawalan dan pengurusan pelajar di dalam kelas serta memenuhi keperluan semasa pelajar. Hal ini berkait rapat dengan isu kehadiran murid semasa PdPR dalam talian, di mana ibu bapa yang tidak dapat menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif atau kelengkapan ICT bagi menyokong pembelajaran dalam talian.

Di samping itu, kajian [Onyema et al. \(2020\)](#) juga turut menyentuh tentang halangan yang dihadapi oleh guru dan pelajar dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Kajian ini telah menyatakan bahawa guru memerlukan integrasi teknologi bagi meneruskan pengajaran dalam talian dan wujudnya implikasi negatif apabila kurangnya kemudahan infrastruktur berkenaan dengan aspek capaian internet. Dengan ini, sekiranya kelengkapan kemudahan dan peralatan ICT adalah mencukupi, maka PdPR akan menunjukkan keberkesanannya. Selain daripada itu, kajian [Mailizar et al. \(2020\)](#) telah menunjukkan bahawa majoriti guru bersetuju yang kekangan utama pelaksanaan pembelajaran dalam talian biasanya disebabkan oleh murid, di mana murid tidak mempunyai ilmu dan kemahiran dalam menggunakan aplikasi atau perisian untuk mengikuti pembelajaran dalam talian. Oleh hal yang demikian, kemahiran murid untuk mengendalikan kemudahan ICT dalam mengikuti PdPR dalam talian sedikit sebanyak juga akan mengganggu kelancaran pengajaran dan pembelajaran serta mungkin menyebabkan ketinggalan dalam kandungan pelajaran yang dijangkakan.

Tambahan pula, [Ramakanta dan Sonali \(2020\)](#) juga membincangkan isu murid yang tidak mengikuti proses pelaksanaan PdPR ekoran daripada kurang kerjasama serta sokongan ibu bapa mereka. Hal ini akan menjejaskan proses pembelajaran murid secara berterusan dan menyebabkan mereka tidak mendapatkan bimbingan dari guru untuk perkembangan pembelajaran yang berlanjutan. Contohnya, isu keluarga dengan keadaan sosioekonomi yang rendah, tidak dapat menyediakan gajet yang mencukupi untuk semua anak kerana bilangan anak yang banyak serta ibu bapa yang tidak dapat memantau pembelajaran murid dengan alasan bekerja juga mempunyai perkaitan dengan isu murid yang tidak dapat mengikuti pembelajaran dalam talian.

Daripada perspektif guru pendidikan Islam pula, mereka menghadapi cabaran untuk menarik perhatian pelajar, terutamanya pelajar yang lemah dan kurang minat dalam pembelajaran mereka. Perkara ini telah dibincangkan dalam kajian [Siti Nurbaizura dan Nurfaradilla \(2020\)](#) yang mengemukakan pendapat bahawa komunikasi dua hala antara guru dan murid sukar untuk berlaku sekiranya guru mempunyai masalah untuk berkomunikasi dengan anak murid mereka. Justeru, cabaran komunikasi antara guru dan murid juga wujud secara langsung dan tidak langsung semasa pelaksanaan PdPR.

Secara keseluruhannya, guru-guru terpaksa berhadapan dengan pelbagai jenis cabaran yang akan melemahkan semangat guru untuk terus melaksanakan PdPR. Perkara ini disokong oleh kajian [Rahayu et al. \(2020\)](#), pengajaran dan pembelajaran norma baharu yang meminta guru untuk bertugas dari rumah akibat daripada penularan wabak COVID-19 telah menyebabkan rutin dan budaya kerja guru terpaksa berubah berdasarkan situasi semasa sepanjang masa PKP ini. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti cabaran dalam pelaksanaan PdPR yang mengambil kira perspektif guru bagi meneroka halangan yang dihadapi sama ada dari sudut guru atau murid. Selain itu, kajian ini akan mengenal pasti hubungan antara pengalaman mengajar guru dengan cabaran guru melaksanakan PdPR serta mengenal pasti perbezaan tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PdPR berdasarkan jantina.

### 3. Metod Kajian

#### 3.1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan. Dalam konteks kajian ini, reka bentuk kajian tinjauan telah dipilih dengan mengumpul data daripada responden melalui borang soal selidik dalam talian yang telah dibina sendiri melalui platform *Google Form*.

#### 3.2. Sampel Kajian

Populasi kajian ialah guru sekolah rendah yang berkhidmat di kawasan Sungai Rengit dengan bilangan 158 orang. Namun, kajian ini hanya melibatkan 113 orang guru sekolah rendah yang berkhidmat di kawasan Sungai Rengit, zon Pengerang, daerah Kota Tinggi, negeri Johor. Saiz sampel kajian ditentukan dengan merujuk [Jadual 1](#), Jadual Penentuan Sampel [Krejcie dan Morgan \(1970\)](#). Teknik pensampelan rawak bersrta berkadar (*proportional startification sampling approach*) digunakan dalam memilih sampel yang boleh mewakili populasi capaian ([Aminah & Crispina Gregory, 2020](#)).

Jadual 1: Jadual Penentuan Sampel [Krejcie & Morgan \(1970\)](#)

Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel
10	10	140	103	460	210	2000	322
15	14	150	108	480	214	2200	327
20	19	160	113	500	217	2400	331
25	24	170	118	550	226	2600	335
30	28	180	123	600	234	2800	338
35	32	190	127	650	242	3000	341
40	36	200	132	700	248	3500	346
45	40	210	136	750	254	4000	351
50	44	220	140	800	260	4500	354
55	48	230	144	850	265	5000	357
60	52	240	148	900	269	6000	361
65	56	250	152	950	274	7000	364
70	59	260	155	1000	278	8000	367
75	63	270	159	1100	285	9000	368
80	66	280	162	1200	291	10000	370
85	70	290	165	1300	297	15000	375
90	73	300	169	1400	302	20000	377
95	76	320	175	1500	306	30000	379
100	80	340	181	1600	310	40000	380
110	86	360	186	1700	313	50000	381
120	92	380	191	1800	317	75000	382
130	97	400	196	1900	320	100000	384

#### 3.3. Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik dalam bentuk *Google Form*. Soalan-soalan dalam borang soal selidik merupakan soalan tertutup dengan bentuk aneka pilihan dan bersifat Skala 5-Likert seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 2](#). Soal selidik ini telah diubahsuai dengan rujukan soalan daripada kajian lepas [Muhammad Izzat \(2021\)](#) serta kajian lepas [Johari dan Fazliana Rashida \(2011\)](#). Instrumen ini dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu Bahagian A, B

dan C. Bahagian A ialah mengumpul maklumat tentang demografi responden, iaitu mengutip data sampel kajian daripada aspek jantina, umur, jenis dan kategori sekolah, kelayakan akademik dan ikhtisas serta pengalaman mengajar. Dalam bahagian B pula, pengkaji telah menyediakan sepuluh item untuk mengkaji pelaksanaan PdPR dalam kalangan guru sekolah rendah semasa pandemik COVID-19 ini. Akhir sekali, bahagian C yang mengandungi 15 item ini adalah untuk menerokai persepsi guru tentang cabaran pelaksanaan PdPR secara dalam talian dari aspek guru dan murid. Kebolehpercayaan instrumen akan dikesan melalui nilai *Cronbach's Alpha*.

Jadual 2: Skala Likert

Skala	Keterangan
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Kurang Setuju (KS)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

### 3.4. Proses Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data berlaku melalui kaedah soal selidik. Item dalam borang soal selidik telah dibina untuk menjawab objektif kajian ini. Borang soal selidik telah diberikan secara dalam talian kepada sampel kajian. Pengkaji telah memberikan masa yang secukupnya kepada sampel kajian untuk meneliti dan menjawab borang soal selidik yang diagihkan.

### 3.5. Proses Penganalisan Data

Data yang diperoleh dalam kajian ini telah dianalisis secara deskriptif bagi melihat tahap pelaksanaan dan cabaran PdPR melalui kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Selain itu, melalui penganalisan data dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 27.0, ujian-T telah dilaksanakan untuk mengenal pasti perbezaan antara guru lelaki dengan guru perempuan dalam tahap kesediaan guru melaksanakan PdPR, manakala ujian korelasi dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara pengalaman mengajar guru dengan cabaran guru melaksanakan PdPR. Skor yang mewakili Skala Likert dalam instrumen kajian ini telah ditunjukkan dalam [Jadual 3](#).

Jadual 3: Skala Likert dan Skor

Skala Likert	Skor
Sangat Setuju (SS)	5
Setuju (S)	4
Kurang Setuju (KS)	3
Tidak Setuju (TS)	2
Sangat Tidak Setuju (STS)	1

## 4. Dapatan Kajian

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian, iaitu demografi responden, tahap pelaksanaan PdPR, cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan PdPR, hubungan antara

pengalaman mengajar guru dengan cabaran guru melaksanakan PdPR serta perbezaan tahap pelaksanaan guru berdasarkan jantina.

#### 4.1. Demografi Responden

Sebelum memaparkan dapatan data yang menjawab objektif kajian kita, [Jadual 4](#) akan menunjukkan analisis data taburan demografi 113 orang responden mengikut kategori dalam nilai kekerapan dan peratusan secara menyeluruh.

Jadual 4: Taburan Demografi Responden

Maklumat	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	23	20.4
	Perempuan	90	79.6
Umur	20 - 24 tahun	3	2.7
	25 - 29 tahun	27	23.9
	30 - 34 tahun	24	21.2
	35 - 39 tahun	14	12.4
	40 tahun atau ke atas	45	39.8
Jenis Sekolah	Sekolah Kebangsaan (SK)	46	40.7
	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)	58	51.3
	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)	9	8.0
Kategori Sekolah	Bandar	35	31.0
	Luar Bandar	70	61.9
	Pedalaman	8	7.1
Kelayakan Akademik	SPM	6	5.3
	STPM	4	3.5
	Diploma	7	6.2
	Sarjana Muda Pendidikan	74	65.5
	Sarjana	22	19.5
Kelayakan Ikhtisas	PhD	-	-
	Sijil Perguruan	16	14.2
	Sarjana Muda Pendidikan	65	58.4
	Diploma Perguruan Malaysia	31	27.4
Pengalaman Mengajar	1 - 5 tahun	34	30.1
	6 - 10 tahun	24	21.2
	11 - 15 tahun	8	7.1
	16 - 20 tahun	25	22.1
	21 tahun dan ke atas	22	19.5

#### 4.2. Tahap Pelaksanaan PdPR

Dapatan kajian ini juga menunjukkan majoriti responden, iaitu sebanyak 98.2% guru sekolah rendah telah melaksanakan PdPR pada era pandemik COVID-19. [Jadual 5](#) telah menunjukkan kekerapan responden melaksanakan PdPR dalam nilai kekerapan dan peratusan.

Jadual 5: Kekerapan Responden Melaksanakan PdPR

Kekerapan Pelaksanaan PdPR	Kekerapan	Peratus (%)
Sehari dalam Seminggu	1	0.9
Dua Hari dalam Seminggu	1	0.9
Tiga Hari dalam Seminggu	15	13.3



Empat Hari dalam Seminggu	17	15.0
Setiap Hari dalam Seminggu	79	69.9

Melalui analisis data, dapatan kajian juga menunjukkan seramai 78.8% responden yang melaksanakan PdPR dengan menggunakan rangkaian internet sendiri, 4.4% responden menggunakan rangkaian internet sekolah dalam pelaksanaan PdPR, di mana 15.0% responden yang menggunakan kedua-dua rangkaian internet sendiri dan sekolah semasa melaksanakan PdPR manakala hanya 1.8% responden yang tidak menggunakan mana-mana rangkaian internet yang berkenaan disebabkan tidak melaksanakan PdPR. Seterusnya, [Jadual 6](#) pula menunjukkan taburan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai mengikut kemahiran guru dalam melaksanakan PdPR. Interpretasi min terbahagi kepada tiga tahap, iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Berpandukan kajian [Layang dan Mahmood \(2019\)](#), nilai min sebanyak 3.67 hingga 5.00 dikatakan pada tahap yang tinggi, seterusnya 2.67 hingga 3.66 merupakan nilai min pada tahap yang sederhana, manakala 1.00 hingga 2.66 ialah nilai min yang berada pada tahap rendah.

Jadual 6: Kemahiran Guru Melaksanakan PdPR

	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Ilmu dan kemahiran ICT membantu saya menjalankan PdPR secara berkesan.	0 0%	2 1.8%	10 8.8%	36 31.9%	65 57.5%	4.45	0.73	Tinggi
Saya mengintegrasikan pelbagai penggunaan bahan multimedia dalam PdPR.	0 0%	2 1.8%	23 20.4%	45 39.8%	43 38.1%	4.14	0.80	Tinggi
Saya menerapkan pelbagai jenis kaedah pembelajaran dalam PdPR.	0 0%	5 4.4%	25 22.1%	50 44.2%	33 29.2%	3.98	0.83	Tinggi
Saya menggunakan grafik atau animasi komputer dalam pelaksanaan PdPR untuk menerangkan masalah-masalah tertentu.	1 0.9%	9 8.0%	23 20.4%	47 41.6%	33 29.2%	3.90	0.94	Tinggi
Saya menyediakan bahan-bahan yang pelbagai, sesuai dengan tahap murid-murid dan berkaitan dengan PdPR.	1 0.9%	3 2.7%	18 15.9%	54 47.8%	37 32.7%	4.09	0.82	Tinggi
Bahan pembelajaran	6	8	39	31	29	3.61	1.10	Sederhana

dalam talian (online) adalah lebih mudah disediakan berbanding dengan bahan pembelajaran PdPc yang maujud.	5.3 %	7.1 %	34.5 %	27.4 %	25.7 %
--	----------	----------	-----------	-----------	-----------

Melalui analisis data ini, kemahiran responden dalam pelaksanaan PdPR dikatakan pada tahap yang tinggi secara keseluruhannya. Kemahiran ICT guru untuk melaksanakan PdPR adalah paling tinggi dengan nilai min 4.45, manakala kemahiran guru menyediakan bahan pembelajaran digital adalah pada tahap yang sederhana dengan nilai min 3.61.

#### 4.3. Cabaran yang Dihadapi dalam Pelaksanaan PdPR

Hasil analisis data telah menunjukkan bahawa guru menghadapi kekangan apabila melaksanakan PdPR, di mana kekangan melaksanakan PdPR boleh berpunca daripada guru dan murid. [Jadual 7](#) pula memberikan gambaran yang jelas tentang taburan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai berkaitan dengan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan PdPR.

Jadual 7: Cabaran yang Dihadapi oleh Guru dalam Pelaksanaan PdPR

	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Saya menghadapi kekangan apabila melaksanakan PdPR.	3 2.7 %	19 16.8 %	28 24.8 %	42 37.2 %	21 18.6 %	3.52	1.06	Sederhana
Kekangan melaksanakan PdPR adalah berpunca daripada diri saya.	20 17.7 %	40 35.4 %	37 32.7 %	12 10.6 %	4 3.5 %	2.47	1.01	Rendah
Kekangan melaksanakan PdPR berpunca daripada kurangnya pengetahuan dan kemahiran saya menggunakan teknologi dalam talian.	22 19.5 %	31 27.4 %	29 25.7 %	25 22.1 %	6 5.3 %	2.66	1.17	Rendah
Kekangan melaksanakan PdPR berpunca daripada kurangnya kemahiran saya menerapkan kaedah pengajaran yang pelbagai semasa PdPR.	15 13.3 %	33 29.2 %	38 33.6 %	20 17.7 %	7 6.2 %	2.74	1.09	Sederhana

Kekangan melaksanakan PdPR berpunca daripada kurangnya kemahiran saya menggunakan media sosial, e-mel dan platform pendidikan dalam talian.	27 23.9 %	36 31.9 %	27 23.9 %	19 16.8 %	4 3.5 %	2.44	1.13	Rendah
Kekangan melaksanakan PdPR berpunca daripada saya tidak mempunyai bilik/ tempat yang khusus untuk melaksanakan PdPR di rumah.	29 25.7 %	26 23.0 %	31 27.4 %	18 15.9 %	9 8.0 %	2.58	1.25	Rendah
Kekangan melaksanakan PdPR berpunca daripada kesukaran saya untuk mendapat perhatian murid dalam PdPR.	12 10.6 %	10 8.8 %	26 23.0 %	34 30.1 %	31 27.4 %	3.55	1.27	Sederhana
Kekangan melaksanakan PdPR berpunca daripada saya memerlukan masa yang panjang untuk memantau perkembangan murid dari semasa ke semasa.	5 4.4 %	10 8.8 %	23 20.4 %	40 35.4 %	35 31.0 %	3.80	1.11	Tinggi
Kekangan melaksanakan PdPR adalah berpunca daripada anak murid saya.	4 3.5 %	4 3.5 %	36 31.9 %	41 36.3 %	28 24.8 %	3.75	0.98	Tinggi
Kekangan melaksanakan PdPR berpunca daripada murid tidak mempunyai kemudahan telefon, komputer riba, tablet atau sebarang peranti lain.	4 3.5 %	6 5.3 %	22 19.5 %	37 32.7 %	44 38.9 %	3.98	1.06	Tinggi
Kekangan melaksanakan PdPR berpunca daripada murid tidak mempunyai akses internet yang stabil.	1 0.9 %	4 3.5 %	14 12.4 %	38 33.6 %	56 49.6 %	4.27	0.87	Tinggi

Kekangan melaksanakan PdPR berpunca daripada murid menghadapi gangguan daripada ahli keluarga.	4	7	30	34	38	3.84	1.07	Tinggi
	3.5	6.2	26.5	30.1	33.6			
	%	%	%	%	%			
Kekangan melaksanakan PdPR berpunca daripada murid kurang mendapat sokongan pembelajaran daripada ibu bapa/penjaga mereka.	4	10	28	35	36	3.79	1.09	Tinggi
	3.5	8.8	24.8	31.0	31.9			
	%	%	%	%	%			
Kekangan melaksanakan PdPR berpunca daripada murid kurang berminat untuk melibatkan diri dalam kelas dalam talian.	3	7	26	38	39	3.91	1.03	Tinggi
	2.7	6.2	23.0	33.6	34.5			
	%	%	%	%	%			
Kekangan melaksanakan PdPR berpunca daripada interaksi dengan murid sangat terhad semasa kelas dalam talian.	3	5	22	39	44	4.03	1.00	Tinggi
	2.7	4.4	19.5	34.5	38.9			
	%	%	%	%	%			

Melalui dapatan kajian di atas, jelaslah menunjukkan bahawa guru bersetuju yang mereka menghadapi cabaran semasa melaksanakan PdPR dengan nilai min yang sederhana (3.52). Secara keseluruhannya, guru berpandangan bahawa kecenderungan untuk berlakunya kekangan dalam PdPR adalah berpunca daripada murid dengan nilai min yang tinggi (3.75) jika dibandingkan dengan kekangan dalam PdPR adalah berpunca daripada diri guru yang hanya mempunyai nilai min yang rendah (2.47). Dalam persepsi responden, kekangan PdPR yang berpunca daripada guru yang mempunyai nilai min tinggi pun berkaitan dengan kemenjadian murid di mana guru memerlukan masa yang panjang untuk memantau perkembangan pembelajaran murid dari semasa ke semasa (3.80). Melihat pada faktor murid yang menyumbang kepada cabaran pelaksanaan PdPR, semua kekangan PdPR yang berpunca daripada anak murid telah mencapai nilai min yang tinggi, terutamanya murid tidak mendapat akses internet yang stabil adalah paling tinggi dengan nilai min 4.27.

#### 4.4. Hubungan antara Pengalaman Mengajar Guru dengan Cabaran Guru Melaksanakan PdPR

##### 1.1

$H_0$  : Tidak terdapat hubungan antara pengalaman mengajar guru dengan cabaran guru melaksanakan PdPR.

Sebelum menjalankan ujian korelasi, data yang dikorelasi perlu memenuhi ciri normaliti. Ujian Kolmogorov-Smirnov telah dilaksanakan bagi menguji sama ada ciri-ciri

data memenuhi sifat taburan normal dengan bilangan sampel kajian seramai 113 orang. [Jadual 8](#) menunjukkan ujian taburan normal bagi pengalaman mengajar guru dengan cabaran guru melaksanakan PdPR.

Jadual 8: Ujian Taburan Normal bagi Pengalaman Mengajar Guru dengan Cabaran Guru Melaksanakan PdPR

	Kolmogorov-Smirnov <sup>a</sup>		
	Statistic	df	Sig.
Pengalaman_Mengajar	.210	113	.000
Cabaran_PdPR	.231	113	.000

a. Lilliefors Significance Correction

Ujian taburan normal yang dijalankan ke atas kedua-dua pembolehubah telah mendapati bahawa data tidak memenuhi ciri normaliti, di mana ujian taburan normal pengalaman mengajar guru dengan tahap signifikan,  $p = 0.00$  ( $p < 0.05$ ) dan cabaran guru melaksanakan PdPR juga dengan tahap signifikan,  $p = 0.00$  ( $p < 0.05$ ), maka data bagi pengalaman mengajar guru dengan cabaran guru melaksanakan PdPR tidak memenuhi andaian sifat taburan normal. Dengan itu, Ujian Korelasi Spearman's Rho telah dijalankan untuk menganalisis hubungan antara pengalaman mengajar guru dengan cabaran guru melaksanakan PdPR. Merujuk [Jadual 9](#), Ujian Korelasi Spearman's Rho telah menunjukkan bahawa pekali korelasi antara pengalaman mengajar guru dengan cabaran guru melaksanakan PdPR adalah  $r = 0.032$ , dengan tahap signifikan,  $p = 0.738$  ( $p > 0.05$ ), justeru  $H_0$  gagal ditolak. Nilai  $r$  ini telah menggambarkan indikator wujudnya hubungan negatif yang lemah.

Jadual 9: Ujian Korelasi Spearman's Rho (Hubungan antara Pengalaman Mengajar Guru dengan Cabaran Guru Melaksanakan PdPR)

		Pengalaman_Mengajar	Cabaran_PdPR
Spearman's rho	Pengalaman_Mengajar	Correlation	1.000
		Coefficient	.032
		Sig. (2-tailed)	.
	N	113	113
Cabaran_PdPR		Correlation	.032
		Coefficient	1.000
		Sig. (2-tailed)	.738
	N	113	113

Berdasarkan keputusan ujian korelasi Spearman's Rho ini, kajian mendapati bahawa hubungan antara pengalaman mengajar guru dengan cabaran guru melaksanakan PdPR adalah tidak signifikan, di mana  $r(111) = 0.032$ ;  $p > 0.05$ , maka boleh menyimpulkan bahawa bukti tidak mencukupi untuk menyatakan terdapatnya hubungan antara pengalaman mengajar guru dengan cabaran guru melaksanakan PdPR.

#### 4.5. Perbezaan Tahap Kesiediaan Guru dalam Melaksanakan PdPR berdasarkan Jantina

$H_0$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap kesiediaan guru dalam melaksanakan PdPR berdasarkan jantina.

Bagi menguji perbezaan min antara dua kumpulan, ujian-T dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan yang signifikan pada tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PdPR berdasarkan jantina. Tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PdPR telah mengambil kira data kekerapan guru melaksanakan PdPR dalam seminggu. Apabila saiz sampel bagi kumpulan jantina lelaki ( $n = 23$ ) kumpulan jantina perempuan ( $n = 90$ ) adalah tidak sama, maka ujian-F (*Levene Test*) dijalankan bagi menguji kehomogenan varians untuk ujian-T sampel tidak bersandar. [Jadual 10](#) menunjukkan Ujian Levene bagi mengkaji kehomogenan varians. Ujian Levene ini telah menunjukkan tahap signifikan,  $p = 0.083$  ( $p > 0.05$ ), maka  $H_0$  gagal ditolak. Varians bagi dua kumpulan adalah homogen. Apabila varians homogen, keputusan ujian-T akan dirujuk pada baris "*Equal Variances Assumed*".

Jadual 10: Ujian Levene bagi Mengkaji Kehomogenan Varians

		Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means						
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference	
									Lower	Upper
<b>Kesediaan Guru</b>	Equal variances assumed	3.060	.083	2.312	111	.023	.437	.189	.063	.812
	Equal variances not assumed			2.156	31.478	.039	.437	.203	.024	.850

Ujian-T dua sampel tidak bersandar telah dijalankan bagi menentukan tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PdPR berdasarkan jantina. Merujuk kepada keputusan ujian ini, tahap signifikan,  $p = 0.023$  ( $p < 0.05$ ), maka  $H_0$  ditolak dan ini telah menunjukkan terdapat perbezaan min antara dua kumpulan. Oleh hal yang demikian, keputusan ini memaparkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PdPR bagi kumpulan lelaki dan perempuan dengan  $t(111) = 2.312$ ;  $p < 0.05$ .

## 5. Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian yang ditunjukkan, hasil analisis data telah menunjukkan kekerapan guru melaksanakan PdPR adalah pada tahap yang tinggi dan guru-guru mempunyai kemahiran untuk melaksanakan PdPR pada tempoh pandemik COVID-19. Namun di sebaliknya, kenyataan yang ditunjukkan melalui analisa data telah memberikan gambaran yang jelas, iaitu kemahiran guru untuk membina dan menyediakan bahan pembelajaran dalam talian atau bahan pembelajaran digital masih pada tahap yang sederhana. Mereka masih berpandangan bahawa bahan pembelajaran PdPR secara konvensional yang wujud adalah lebih mudah disediakan. Melihat daripada sudut ini, guru perlu bersedia untuk melengkapkan diri dan mempertingkatkan kemahiran diri untuk melaksanakan proses pengajaran dengan menggunakan pendekatan real time dan tidak segerak. Perkara ini disokong dengan kajian [Nor Amalina dan Zanaton \(2018\)](#) yang mengemukakan bahawa guru perlulah sentiasa bersedia mempertingkatkan kemahiran diri dan mengubahsuaikan pendekatan pengajaran selari dengan perkembangan teknologi dan keperluan semasa dalam kerjaya.

Merujuk kemahiran guru dalam pelaksanaan PdPR, kebanyakan guru mempunyai tahap pelaksanaan yang tinggi dalam melaksanakan PdPR. Pada masa yang sama, melalui dapatan data tentang persepsi guru sekolah rendah yang kurang bersetuju dengan kekangan dalam melaksanakan PdPR adalah berpunca daripada guru, maka kedua-dua perkara ini boleh diibaratkan bahawa guru mempunyai kesediaan yang tinggi untuk menjalankan PdPR. Dapatan kajian ini adalah bercanggah dengan kajian [Mazura dan Wak \(2018\)](#), di mana terdapat sebanyak 80% guru berada di sekolah tidak mempunyai pengetahuan yang baik tentang penggunaan strategi dan pendekatan PdPR yang berbeza. Kajian lepas ini telah menunjukkan guru belum bersedia secara sepenuhnya untuk melaksanakan pengajaran dengan strategi pengajaran yang sesuai, seterusnya ini akan menjejaskan kesediaan murid untuk menerima ilmu apabila PdPR dalam talian telah dilaksanakan.

Berpandukan dapatan kajian di atas, punca cabaran yang dihadapi oleh guru sekolah rendah dalam pelaksanaan PdPR semasa pandemik COVID-19 lebih cenderung kepada murid. Dapatan kajian ini telah bercanggah dengan hasil kajian seperti yang dikemukakan dalam kajian [Siti Balqis dan Muniroh \(2020\)](#), kesediaan pelajar dalam PdPR dalam talian adalah pada kadar yang agak memuaskan. Namun di sebaliknya, terdapat segelintir pelajar yang masih belum bersedia menerima proses pembelajaran dalam talian akibat daripada akses capaian internet yang tidak memuaskan serta pelajar kurang bersedia dari segi fizikal dan mental.

Menurut [Zetty \(2020\)](#), kebolehcapaian internet merupakan satu daripada komponen yang penting dalam mengendalikan pembelajaran dalam talian, maka kajian lepas telah menyokong dapatan kajian ini yang menyatakan kekangan melaksanakan PdPR adalah berpunca daripada murid tidak mempunyai akses internet yang stabil. Semua cabaran tersebut mempunyai hubungan sesama lain. Sebagaimana yang dikemukakan dalam kajian [Siti Aisyah \(2021\)](#), ekoran daripada isu yang timbul disebabkan oleh masalah capaian internet bagi sesetengah golongan pelajar, faktor-faktor lain seperti kemiskinan, konflik keluarga turut menyumbang dalam capaian internet yang rendah. Kajian ini juga menyokong dapatan kajian yang menyatakan kekangan dalam melaksanakan PdPR adalah berpunca daripada murid yang menghadapi gangguan ahli keluarga semasa kelangsungan PdPR. Jikalau keadaan ini berlaku secara berterusan, murid akan berhadapan dengan kesukaran untuk mencapai tahap penguasaan minimum dalam setiap mata pelajaran, dengan natijahnya perkara ini akan memberikan impak negatif kepada minat dan motivasi murid untuk terus mengikuti PdPR.

Menurut kajian [Nor Sahara dan Zulkarnain \(2021\)](#), kebanyakan keluarga mengalami masalah pendapatan terjejas pada waktu PKP, maka mereka akan meletakkan keutamaan sesebuah keluarga dari aspek makanan, membayar sewa rumah dan simpanan duit kecemasan jika dibandingkan dengan menyediakan kelengkapan ICT untuk mengikuti pembelajaran dalam talian. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa faktor sosioekonomi akan menyebabkan murid menghadapi masalah dalam PdPR kerana ibu bapa tidak mampu menampung kos perbelanjaan yang tinggi sekiranya perlu menyediakan kemudahan ICT bagi bilangan anak yang banyak. Pernyataan ini telah menyokong dapatan kajian bahawa kekangan melaksanakan PdPR berpunca daripada murid kerana murid kurang mendapat sokongan pembelajaran daripada ibu bapa atau penjaga dan tidak mempunyai kemudahan telefon, komputer riba, tablet atau sebarang peranti lain untuk mengikuti PdPR.

Pada perspektif yang berlainan, kebanyakan responden berpendapat bahawa penyumbang kepada cabaran murid dalam pelaksanaan PdPR adalah seperti tiada kesedaran tentang kepentingan PdPR. Dapatan kajian menunjukkan kekangan melaksanakan PdPR berpunca daripada murid kurang berminat untuk melibatkan diri dalam kelas dalam talian. Perkara ini disokong oleh kajian lepas [Shabnam \(2021\)](#), kajian telah menunjukkan motivasi akan mempengaruhi minat dan menyebabkan perubahan dalam sikap murid. Kebanyakan murid tidak dapat memahami konteks pembelajaran dalam talian dan tidak mengetahui impaknya kepada pembelajaran yang berterusan, maka mereka tidak mempunyai motivasi untuk mengikuti PdPR yang dilaksanakan. Hal ini juga boleh dikaitkan dengan dapatan kajian yang menyatakan interaksi dengan murid sangat terhad semasa kelas dalam talian akan menjejaskan kejayaan pelaksanaan PdPR.

Kajian ini juga menunjukkan kesimpulan bahawa tidak terdapatnya hubungan antara pengalaman mengajar guru dengan cabaran guru melaksanakan PdPR. Perkara ini bercanggah dengan kajian lepas [Mualimul Huda \(2017\)](#) yang menyatakan korelasi yang kuat dan signifikan antara kompetensi personaliti guru dengan motivasi pembelajaran pelajar, selaras dengan kajian [Wahyuningsih \(2017\)](#) yang menyatakan bahawa motivasi belajar murid dipengaruhi oleh kedua-dua faktor kompetensi pedagogi dan kompetensi profesional guru. Kompetensi guru mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan dalam konteks tertentu berpandukan Model Iceberg ([Ab Halim et al., 2021](#)), maka kompetensi guru secara tidak langsung dibina sepanjang proses dan pengalaman mengajar. Namun di sebaliknya, cabaran guru melaksanakan PdPR juga bergantung pada kesediaan guru untuk menerima pembaharuan serta mengembangkan ilmu dan potensi sendiri melalui latihan profesional.

Akhir sekali, dapatan kajian juga memberikan gambaran bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PdPR berdasarkan jantina. Dalam konteks kajian lepas [Muhammad Safuan \(2022\)](#), PdPR mewajibkan penggunaan teknologi yang sepenuhnya berhubung dengan murid dan kajian lepas ini telah menunjukkan guru lelaki dapat mengintegrasikan intensif teknologi dalam PdPR secara berkesan jika dibandingkan dengan guru perempuan, di mana guru lelaki dikatakan lebih kerap menggunakan teknologi dalam pembelajaran ([Azri & Crispina, 2019](#)). Dapatan kajian ini juga boleh dibuktikan dengan kajian lepas [Zamri dan Hasmadi \(2019\)](#) yang mengemukakan dapatan bahawa terdapatnya perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dan guru perempuan dalam pengajaran. Hal ini juga berhubung kait dengan perbezaan dari segi tahap pengetahuan pedagogi kandungan berdasarkan jantina ([Mahendran et al., 2021](#)), maka jelaslah bahawa faktor jantina juga menyumbang kepada kejayaan melaksanakan PdPR.

## 6. Kesimpulan

Secara tuntasnya, guru perlu menguasai kemahiran untuk menggunakan teknologi pendidikan dalam menjayakan pelaksanaan PdPR. Seperti dalam kajian [Ayu et al. \(2020\)](#), guru memainkan peranan yang penting dalam perkembangan murid, sebagaimana dalam pengetahuan kita, generasi muda kini telah meluangkan kebanyakan masa mereka dengan teknologi, maka lebih baik jika guru dapat mengintegrasikan intensif teknologi dalam pengajaran mereka. Dengan itu, murid akan lebih berminat untuk mengikuti PdPR yang dilaksanakan, seterusnya meningkatkan kesedaran murid untuk menghadiri dalam PdPR dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kehadiran murid dalam PdPR dalam talian.



Di samping pengintegrasian teknologi dalam PdPR, penting juga guru memantapkan pembelajaran murid dengan kaedah pedagogi, iaitu menggunakan pelbagai pedagogi pengajaran dan mengaplikasikan seni mengajar yang menarik. Oleh itu, guru telah bersedia untuk menerima pembaharuan dalam perkembangan teknologi melalui pelbagai latihan tentang pengaplikasian kaedah pengajaran yang berbagai-bagai jenis dalam proses pelaksanaan PdPR. Hal ini dapat disokong dengan kajian [Marbán dan Mulenga \(2019\)](#), di mana guru-guru mempunyai minat untuk mempelajari tentang kemahiran teknologi dan melaksanakannya di dalam proses pengajaran dengan adanya kemudahan infrastruktur yang sedia ada serta latihan yang mencukupi untuk melengkapkan kemahiran, maka pihak yang berkenaan seperti KPM perlu menyediakan latihan atau kursus bimbingan untuk meningkatkan kemahiran guru secara optimum dalam pelaksanaan PdPR.

Seterusnya, dalam pandemik COVID-19, guru perlu lebih prihatin tentang keperluan semasa murid, terutamanya murid yang menghadapi kekangan capaian internet yang rendah. Perkara ini boleh dikaitkan dengan kajian [Nurzarina dan Roslinda \(2017\)](#) yang menyatakan bahawa guru kini perlu mempunyai penguasaan dalam kurikulum, berketrampilan dan mahir dalam ilmu pedagogi serta menguasai aspek psikologi pembelajaran dengan baik. Contohnya, apabila murid-murid tidak mempunyai kemudahan internet di rumah dan langsung tidak dapat dikesan melalui aplikasi dalam talian, maka guru perlu menaburkan usaha dengan menggunakan kaedah konvensional, iaitu menghantar bahan pembelajaran kepada mereka di rumah ([Siti Nurbaizura & Nurfaradilla, 2020](#)). Tambahan pula, pihak kerajaan dan swasta telah memberikan sumbangan kewangan kepada murid-murid yang mengalami masalah ketara dalam isu ini untuk mengelakkan keciciran murid dalam pembelajaran.

Melalui semua proses menjalankan kajian dan perbincangan di atas, pengkaji telah memahami bahawa betapa pentingnya pelaksanaan PdPR dalam era pandemik COVID-19. Pengkaji juga mendapati bahawa kerjasama daripada semua pihak adalah penting untuk menjayakan proses pelaksanaan PdPR. Hasil kajian ini secara tidak langsung menunjukkan kesediaan ibu bapa merupakan satu daripada faktor utama dalam menentukan kejayaan PdPR. Seperti dalam kajian [Ain \(2022\)](#), beliau telah mendapati bahawa faktor ibu bapa yang tidak memberikan sokongan terhadap pembelajaran juga menyumbang kepada kekangan guru melaksanakan pendekatan terbeza dalam PdPR. Murid akan menjadi ketinggalan kerana tidak dapat mengikuti PdPR atas sebab tidak dimaklumkan oleh ibu bapa walaupun guru telah memaklumkan masa melaksanakan PdPR. Ibu bapa sepatutnya membantu guru-guru dalam menjayakan pelaksanaan PdPR ([Roystein et al., 2021](#)).

Justeru, kajian ini telah menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan PdPR dalam kalangan guru sekolah rendah adalah tinggi dan cabaran guru dalam menjayakan pelaksanaan PdPR adalah berhubung dengan peranan murid dalam PdPR. Kajian lanjutan yang dicadangkan kepada pengkaji yang seterusnya juga digalakkan untuk berfokuskan kepada usaha setiap pihak dalam menjayakan pelaksanaan PdPR, terutamanya melihat daripada perspektif ibu bapa.

## **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikut kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

## **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Penulis merakamkan ucapan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua responden yang memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

## **Kewangan (*Funding*)**

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

## **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)**

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

## **Rujukan**

- Ab Halim, A. S., Osman, K., Aziz, M. S. A. M., Ibrahim, M. F., & Ahmad, A. A. K. (2021). The Competency of Science Teachers in Integrating Higher Order Thinking Skills in Teaching and Learning. *Journal of Physics: Conference Series*, 1793(1).
- Ain, N. A. A. (2022). Masalah Dihadapi oleh Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pendekatan Terbeza dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(01), 50–62.
- Aminah, B. J., & Crispina Gregory, K. H. (2020). Cabaran dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran STEM di Sekolah Menengah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 5(34), 80–90. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.534006>.
- Appiah-Otoo, I., & Song, N. (2021). The Impact of ICT on Economic Growth-Comparing Rich and Poor Countries. *Telecommunications Policy*, 45(2), 102082.
- Ayu, W. N., Dinda, A., Afifa, M. S., & Kisno. (2020). Learning Process and Exam Papers: Have They Met The Criteria of 21st Century Learning? *Journal of English Teaching as a Foreign Language (JETAFL)*, 6(1), 20–28.
- Azri & Crispina. (2019). Differences in Demographic Factors in Teacher Self-Efficacy and 21st Century Teaching and Learning Practices. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 18(1), 17–36.
- Bai, Y., Yao, L., Wei, T., Tian, F., Jin, D.-Y., Chen, L., & Wang, M. (2020). Presumed Asymptomatic Carrier Transmission of COVID-19. *Journal of the American Medical Association*, 323(14), 1406–1407. <https://doi.org/10.1001/jama.2020.2565>.
- Fadzliyah, H., Farah, F. R., Fatahiyah, E., Mohd Radzi, L. M., & Che Nazrah, M. Y. (2020). Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian dan Impaknya terhadap Guru Novis Pendidikan Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(4), 151–162.

- Jabbarova, A. (2020). Planning Teaching And Learning Is A Fundamental Aspect Of The Academic Staff. *Архив Научных Публикаций JSPI*.
- Jafri Malin, A., Wan Faisham, N. W. I., Irfan, M., Asrenee, A. R., Azian, H., Kamarul, I. M., & Y.Y.L. (2020). A Critical Appraisal of COVID-19 in Malaysia and Beyond. *Malays J Med. Sci.*, 27(2), 1.
- Johari, B. H., & Fazliana Rashida, B. A. R. (2011). Penggunaan ICT dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Kalangan Pendidik Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 4, 22–37.
- Kim, J. (2020). Learning and teaching online during Covid-19: Experiences of Student Teachers in An Early Childhood Education Practicum. *International Journal of Early Childhood*, 52(2), 145–158.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Krishnan, K., & Daud, M. Y. (2020). Pengintegrasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Proses Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Matematik dalam Kalangan Pensyarah di Kolej-Kolej Vokasional Negeri Sembilan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 1(3), 89–99.
- Layang, F. A., & Mahamod, Z. (2019). Tahap Pengetahuan, Kediaan dan Sikap Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Peta Pemikiran i-Think. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 37–44.
- Mailizar, A., Suci, M., & Sandra, B. (2020). Secondary School Mathematics Teachers' Views on e-learning Implementation Barriers during the COVID-19 Pandemic: The Case of Indonesia. *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 16(7), em1860.
- Mahendran, K., Adenan, N. H., Abd Karim, N. S., Adawiyah, R., & Md Junus, N. W. (2021). Analisis Tahap Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PCK) Guru Pelatih Matematik. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14, 72–81.
- Maman, S., Tadkiroatun, M., & Widyastuti, P. (2020). Kurikulum Pendidikan Bahasa dalam Perspektif Inovasi Pembelajaran. *Jurnal Kependidikan: Penelitian Inovasi Pembelajaran*, 4(1), 165–176.
- Marbán, J. M., & Mulenga, E. M. (2019). Pre-service Primary Teachers' Teaching Styles and Attitudes towards the Use of Technology in Mathematics Classrooms. *International Electronic Journal of Mathematics Education*, 14(2), 253–263. <https://doi.org/10.29333/iejme/5649>
- Mazura, S., & Wak, C. W. (2018). Tinjauan tentang Pengetahuan dan Penerimaan terhadap Pengajaran Berbeza dalam Kalangan Siswa Pendidik Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam*, pp. 283-294. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Mualimul Huda. (2017). Kompetensi Kepribadian Guru Dan Motivasi Belajar Siswa (Studi Korelasi Pada Mata Pelajaran Pai). *Jurnal Penelitian*, 11(2), 237–266. <https://doi.org/10.21043/jupe.v11i2.3170>.
- Muhammad Izzat, M. (2021). Pandangan dan Cabaran Guru Terhadap Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam Tempoh Pandemik COVID-19. *Jurnal Ilmi*, 11, 14–25.
- Muhammad Safuan Sahak. (2022). Pengaruh Demografi dan Amalan Kemahiran PAK-21 oleh Guru Pelatih bagi Subjek Matematik semasa Pandemik COVID-19. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 12(2), 65–81. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol12.1.6.2022>.

- Murphy, M. P. A. (2020). COVID-19 and Emergency eLearning: Consequences of The Securitization of Higher Education for Post-Pandemic Pedagogy. *Contemporary Security Policy*. 0: 1–14. doi:10.1080/13523260.2020.1761749.
- Nor Amalina, A. H., & Zanaton, I. (2018). Pengetahuan, Kemahiran Pelaksanaan dan Sikap Guru terhadap Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dalam Mata Pelajaran Sains. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2018)*, pp. 72–82. 5 Julai. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Nor Sahara, M., & Zulkarnain, A. M. (2021). Kajian Kesiediaan Pelajar Mengikuti Pembelajaran dalam Talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Membendung COVID-19 Fasa 2. *International Journal of Education and Pedagogy (IJEAP)* 3(1), 195–202.
- Nurzarina, A., & Roslinda, R. (2017). Kefahaman Guru tentang Kemahiran Abad Ke-21. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK 2) Jilid 1*, pp. 110–114. Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Onyema, E., Nwafor, C., Obafemi, F., & Sen, S., Atonye, F., & Sharma, A., & Alsayed, A. (2020). Impact of Coronavirus Pandemic on Education. *Journal of Education and Practice* 11, 108–121. <https://doi.org/10.7176/JEP/11-13-12>.
- Preiser, W., Van Zyl, G., & Dramowski, A. (2020). COVID-19: Getting Ahead of The Epidemic Curve by Early Implementation of Social Distancing. *South African Medical Journal*, OnlineFirst (1), <https://doi.org/10.7196/SAMJ.2020.v110i4.14720>.
- Rafiee, J., Nurul Hafizah, Z. A., & R. A. (2020). Analisis Deskriptif bagi Penggunaan Aplikasi Quizizz ke atas Guru dalam Penilaian Prestasi Murid bagi Subjek Matematik Descriptive Analysis of the Use of Quizizz Applications on Teachers in Student Performance Assessment for Mathematics Subjects. *Mathematical Sciences and Informatics Journal*, 1(2), 87–97.
- Rahayu, A. B., Sham, I., Halijah, A., Nor Hazimah, I., & Wan, M. K. W. I. (2020). *Peranan dan Cabaran Pemimpin Pendidikan dalam Memastikan Matlamat dan Agenda Pendidikan Dilestari dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19*. Diakses pada 15 Jun 2021 dari: <https://iab.moe.edu.my/bahanportal/pemberitahuan/2020/2.%20PERANAN%20DAN%20CABARAN%20PEMIMPIN%20PENDIDIKAN.pdf>.
- Ramakanta, M., & Sonali, S. (2020). E-Readiness and Perception of Student Teachers' towards Online Learning in the Midst of COVID-19 Pandemic. *SSRN Electronic Journal*. <https://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3666914>.
- Roystein, D., Zamri, M., & Anita, A. R. (2021). Ibu Bapa sebagai Guru Kedua dalam Menjayakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah. Dlm. Zamri Mahamod, Anita Abdul Rahman & Zarien Atierah Zamri. 2021. *Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah: Isu dan Cabaran Pendidikan dalam Norma Baharu*, hlm. 259–267. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shabnam Gurung. (2021). Challenges Faced By Teachers In Online Teaching During COVID-19 Pandemic. *The Online Journal of Distance Education and e-Learning*, 9(1), 8–18.
- Siti Aisyah, I. (2021). Pandemik COVID-19: Cabaran dan Impak dalam Pendidikan Islam dan Pembelajaran Murid. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(1), 89–94.
- Siti Balqis, M. & Muniroh, H. (2020). Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Creative and Innovative Teaching Practices During COVID-19 Movement Control Order (MCO)*, 14–22.
- Siti Nurbaizura, C. A., & Nurfaradilla, M. N. (2020). Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui Pendekatan Home Based Learning (HBL)

- semasa Tempoh Pandemik COVID-19. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 46–57.
- Tan, H. L., & Suziyani, M. (2022). Kesiediaan Guru bagi Pembelajaran dalam Talian Semasa Pandemik COVID-19. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(2), 80–89.
- Wahyuningsih, R. (2017). Profesional Guru terhadap Motivasi Belajar di MAN 5 Jombang. *Jurnal Pendidikan Ekonomi, Kewirausahaan, Bisnis, Dan Manajemen (JPEKBM)*, 1(1), 19–27.
- Zakaria, M., Ahmad, J. H., Bahari, R., Hasan, S. J. & Zolkafli, S. (2021). Benefits and Challenges of Adopting Google Classroom in Malaysian University: Educators' Perspectives. *Elementary Education Online*, 20(1), 1296–1304.
- Zamri, B., & Hasmadi, H. (2019). Pengaruh Faktor Jantina dan Opsyen Guru-Guru Bahasa Inggeris Terhadap Gaya Pengajaran. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 2(7), 79–86.
- Zetty, R. M. Y. (2020). *Menangani Cabaran Norma Baharu Pembelajaran dan Pengajaran Era COVID-19: Ulasan Pakar UTM mengenai Isu Semasa COVID-19*. Diakses pada 12 Jun 2021 dari : <https://news.utm.my/ms/2020/05/menangani-cabaran-norma-baharu-pembelajaran-dan-pengajaran-era-covid-19/> .